

**LAPAN (8) GLC DIPILIH DI BAWAH PROGRAM BENGKEL INOVASI GLC (BIG)  
BAGI MERANCAKKAN KERJASAMA KORPORAT-STARTUP DAN  
PERTUMBUHAN BERTERASKAN INOVASI**

**PUTRAJAYA, 4 JULAI 2025** – Kementerian Kewangan (MOF) dengan kerjasama Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) serta Cradle Fund Sdn Bhd (Cradle), telah mengumumkan pemilihan lapan (8) Syarikat Berkaitan Kerajaan (GLC) di bawah program Bengkel Inovasi GLC (BIG).

Pencapaian ini menandakan peralihan program BIG daripada fasa perancangan kepada pelaksanaan yang mana ia telah dilancarkan pada Mac 2025 lalu. Geran padanan sehingga RM2 juta telah diperuntukkan bagi setiap GLC, dengan jumlah keseluruhan sebanyak RM10.7 juta. GLC yang terpilih serta projek inovatif mereka adalah seperti berikut:

- **Bank Islam** – Memanfaatkan teknologi AI dan tingkah laku untuk mempertingkatkan pembiayaan PMKS dan celik kewangan menerusi platform kewangan digital.
- **CelcomDigi** – Memacu logistik generasi baharu dengan 5G, AI & robotik bagi mewujudkan ekonomi digital yang berdaya tahan.
- **EDOTCO** – Mewujudkan pasaran analitik layan diri dan memaksimumkan penggunaan infrastruktur telekomunikasi.
- **Malaysia Aviation Group** – Menggunakan AI untuk penjejakan aset masa nyata bagi mengoptimumkan operasi pemulihan “turnaround” dan meningkatkan pengalaman penumpang.
- **Sime Darby Property** – Penguatkuasaan amalan keselamatan yang berkesan menerusi pengesanan masa nyata berasaskan kecerdasan buatan (AI) serta amaran berbilang bahasa.
- **S P Setia** – Memberi peluang pemilikan rumah kepada semua rakyat Malaysia dengan akses mudah kepada perumahan mampu milik dan berkualiti melalui teknologi.
- **Tenaga Nasional Berhad** – Penggunaan semula bateri EV untuk menyimpan tenaga serta membangunkan platform digital tahan penipuan bagi melindungi & mendidik pelanggan.
- **Cenviro** – Menghasilkan penurap mampan dengan teknologi canggih untuk mengurangkan kesan terhadap alam sekitar dan tapak pelupusan.

Pemilihan GLC ini adalah berdasarkan kepada penggunaan teknologi digital dan AI inovatif yang ditonjolkan - berpotensi tinggi untuk meningkatkan kecekapan operasi, menyokong pertumbuhan perniagaan dan penskalaan dalam industri masing-masing. Setiap GLC juga menunjukkan kerjasama yang kukuh dengan startup tempatan dan

antarabangsa, mencerminkan semangat kerjasama yang diketengahkan dalam program BIG.

“Cradle berbangga kerana memainkan peranan utama dalam merangka dan melaksanakan BIG bersama MOF, MOSTI dan rakan-rakan ekosistem kami, dengan mengaktifkan satu model baharu kerjasama korporat-startup. GLC ini telah tampil sebagai peneraju inovasi negara – menandakan perubahan ketara dalam cara korporat melihat inovasi: bukan sebagai aktiviti sampingan, tetapi pemacu utama daya tahan dan pertumbuhan. Kami menantikan fasa penciptaan bersama dan pelaksanaan projek rintis bersama startup,” kata **Norman Matthieu Vanhaecke, Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan Cradle.**

**YB Tuan Chang Lih Kang, Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI)** menambah “BIG mencerminkan pendekatan menyeluruh Kerajaan dalam merapatkan jurang antara startup dan korporat bagi mempercepatkan penggunaan teknologi transformatif. MOSTI bangga menyokong usaha ini melalui *National Technology and Innovation Sandbox* (NTIS) dan rangkaian *deep tech* kami, demi memperkukuhkan industri berdaya tahan selari dengan misi kami di bawah Pelan Hala Tuju Ekosistem Startup Malaysia (SUPER) untuk meletakkan Malaysia dalam kalangan 20 ekosistem startup terbaik dunia menjelang 2030.”

Penyertaan lapan (8) GLC ini jelas menunjukkan komitmen untuk menerima pakai dan melaksanakan teknologi termaju sebagai pemangkin inovasi korporat yang lebih meluas. Kerjasama mereka bersama startup dan pembangun usahaniaga tempatan turut menyumbang kepada pengukuhan ekosistem inovasi negara dan pembangunan startup.

**YB Senator Datuk Seri Amir Hamzah, Menteri Kewangan II,** berkata “Kami memulakan inisiatif ini dengan persoalan bagaimana kami dapat menyokong GLC untuk berinovasi, meneroka teknologi baharu dan membina kerjasama bermakna dengan startup. Saya terinspirasi dengan idea dan komitmen GLC untuk menyokong cara kerja baharu. Walaupun tidak semua idea akan berkembang secara besar-besaran, setiap satunya menyumbang kepada budaya percubaan dan kemajuan - dan hari ini menjadi bukti kejayaan bersama. Hasrat utama program ini adalah untuk mencetuskan inovasi korporat merentas GLC dan memperkukuhkan hubungan antara sektor korporat dan ekosistem startup negara yang sedang berkembang pesat. Jika berjaya, kami berharap untuk meluaskan program ini kepada sektor swasta yang lebih luas pada masa depan.”

Dalam tempoh enam (6) bulan akan datang, GLC terpilih akan bekerjasama dengan pasukan inovasi dalaman, startup dan pembangun usahaniaga melalui salah satu atau gabungan daripada dua laluan utama: Venture Client Track dan Venture Co-Creation Track. Setiap GLC akan membangunkan bukti konsep, yang akan dikemukakan dalam sesi Demo Day sebagai langkah ke arah pelaksanaan sebenar dan penciptaan usaha niaga baharu.

Startup yang berminat untuk bekerjasama dengan GLC boleh mendaftar melalui laman web BIG di <https://big.myopeninnovation.com/>

**-TAMAT-**

## **Mengenai Cradle Fund Sdn Bhd**

Cradle Fund Sdn. Bhd. (Cradle) ialah agensi fokal Malaysia bagi startup peringkat awal, beroperasi di bawah Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI). Sejak ditubuhkan pada 2003 di bawah Kementerian Kewangan (MOF), Cradle telah membiayai lebih 1,100 startup teknologi, dengan kadar pengkomersialan tertinggi dalam kalangan geran kerajaan. Cradle membangunkan dan mengurus tetingkap tunggal MYStartup, bagi pembiayaan startup, pembangunan kapasiti dan akses pasaran. Ia juga menguruskan CIP Spark dan CIP Sprint, iaitu program geran untuk menyokong pembangunan idea awal dan pengkomersialan. Sebagai pemacu utama ekosistem startup teknologi dan inovasi Malaysia, Cradle terus memperkasakan inovasi dan keusahawanan, mengukuh kedudukan negara sebagai hab startup serantau. Untuk maklumat lanjut sila layari, [www.cradle.com.my](http://www.cradle.com.my)

## **Mengenai Bengkel Inovasi GLC (“BIG”)**

BIG ialah inisiatif dengan peruntukan sebanyak RM15 juta di bawah Belanjawan 2025, bertujuan untuk menyemai budaya inovasi dalam sektor korporat Malaysia serta memacu kerjasama berimpak tinggi antara GLC dan startup. Ia merupakan langkah strategik dalam merealisasikan agenda reformasi ekonomi Malaysia untuk “Meningkatkan Siling” di bawah inisiatif GEAR-uP, selarai dengan kerangka Ekonomi MADANI.

Daripada jumlah keseluruhan RM15 juta, RM10 juta diperuntukkan sebagai geran padanan untuk menyokong dua laluan utama: Venture Client Track, di mana GLC akan melaksanakan inovasi startup untuk menambah baik operasi; dan Venture Co-Creation Track, di mana GLC akan membangunkan penyelesaian baharu bersama startup dan pembangun usahaniaga. Tambahan RM3 juta pula diperuntukkan untuk geran padanan startup di peringkat bukti konsep (POC). Kedua-dua laluan ini disokong dengan fasilitasi dan bimbingan pakar bagi mempercepatkan hasil bersedia pasaran dan meningkatkan daya saing ekonomi Malaysia.

### **Dikeluarkan oleh:**

Komunikasi Kumpulan  
Cradle Fund Sdn Bhd  
Aras 20, Sunway Putra Tower  
100 Jalan Putra  
50350 Kuala Lumpur

### **Untuk pertanyaan media:**

**Elmy Fairuz Bin Azmi**  
[elmy@cradle.com.my](mailto:elmy@cradle.com.my)  
+6012 271 3457

[KIT MEDIA](#)